



## KENYATAAN AKHBAR

### SENARAI EJEN-EJEN PELANCONGAN YANG BERLESEN DI BAWAH JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Rabu, 26hb Rejab 1445H bersamaan 07hb Februari 2024

Jabatan Kemajuan Pelancongan ingin mengongsikan kepada orang ramai senarai Ejen-Ejen Pelancongan terkini pada tahun 2024. Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Jabatan Kemajuan Pelancongan adalah pengawal selia bagi Ejen Pelancongan di Brunei Darussalam iaitu seperti yang terkandung di dalam Akta Pelancongan, Penggal 239.

3. Untuk makluman, mana-mana syarikat yang berhasrat untuk mengendalikan sebarang aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Ejen Pelancongan mestilah membuat permohonan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi mendapatkan lesen. Seterusnya, bagi syarikat yang sudah berlesen dan bercadang untuk mengendalikan perkhidmatan Haji ataupun Umrah hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
4. Dalam hubungan ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan ingin menasihatkan kepada orang ramai untuk hanya membuat urusan dengan Ejen-Ejen Pelancongan yang berlesen bagi sebarang tempahan tiket, pakej percutian dan sebagainya samada di dalam ataupun luar negeri termasuk pakej Haji dan Umrah.
5. Mana-mana syarikat atau individu yang menjalankan apa-apa jua aktiviti yang berkaitan dengan Ejen Pelancongan seperti yang terkandung di dalam Akta Pelancongan, Penggal 239 tanpa lesen yang sah maka ianya adalah menyalahi undang-undang di bawah Bab 11. (1), Akta Pelancongan, Penggal 239. Jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman iaitu denda tidak melebihi \$10,000.00, penjara tidak lebih dua (2) tahun atau kedua-keduanya sekali. Bagi kesalahan berterusan denda maksimum \$100.00 setiap hari boleh dikenakan di bawah Akta yang sama.
6. Senarai Ejen-Ejen Pelancongan tersebut akan sentiasa dikemaskinikan dan orang ramai digalakkan untuk sentiasa merujuk laman sesawang [www.tourism.gov.bn](http://www.tourism.gov.bn). Jika ada sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan Ejen-Ejen Pelancongan, orang ramai bolehlah menghubungi talian 2382805 / 2382803 di waktu pejabat ataupun berhubung melalui email enforcement@tourism.gov.bn. Orang ramai juga boleh membuat aduan bagi Ejen-Ejen Pelancongan yang disyaki tidak mempunyai lesen yang sah ditalian dan email yang sama.

-Tamat-

Disediakan oleh:  
Jabatan Kemajuan Pelancongan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam